

20 DEC 1997

Mahathir-Pelancong

ANJURKAN LEBIH BANYAK ACARA TARIK PELANCONG, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata lebih banyak acara antarabangsa, yang boleh menarik pelancong dan penyertaan asing, perlu dianjurkan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata acara-acara itu haruslah memanfaatkan seperti acara tahunan lumba basikal bertaraf dunia, Le Tour de Langkawi.

Ketika bercakap kepada pemberita pada satu majlis di sini untuk menghargai penaja-penaja bagi acara Le Tour de Langkawi tahun depan, Dr Mahathir berkata berikutan masalah mata wang yang dihadapi negara kini, lebih banyak acara menarik harus diadakan di Malaysia untuk penduduk tempatan.

"Orang kita tak boleh pergi ke luar negeri (kerana masalah mata wang), jadi dia duduk dalam negeri, kena ada hiburan.

"Kita mahu orang melawat Malaysia menerusi acara-acara ini dan mereka mesti tahu mengenai Malaysia," kata Dr Mahathir.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata acara seperti Le Tour de Langkawi tahun ini yang menerima liputan media tempatan dan asing menjadikan dunia mengetahui apa yang berlaku di Malaysia.

Menurutnya menerusi liputan media, warga asing terutamanya pelancong menyedari bahawa Malaysia kini bebas daripada jerebu.

Beliau berkata pelancong-pelancong asing dan peserta acara-acara antarabangsa yang datang ke Malaysia kini dapat menikmati udara bersih selepas jerebu, yang menyelubungi kebanyakan negara di Asia Tenggara, kini tiada lagi.

Mengenai acara lumba basikal itu, Dr Mahathir berkata Le Tour de Langkawi boleh setanding dengan perlumbaan jelajah lumba basikal Le Tour de France walaupun kedua-duanya mempunyai kelebihan masing-masing.

"Mengapa tidak...Walaupun kita menjadikan Le Tour de France sebagai model, Le Tour de Langkawi bukannya acara lumba basikal seperti itu. Di sini, anda berlumba dalam persekitaran yang sangat berbeza.

"Iklim panas di Malaysia menjadikan perlumbaan ini lebih mencabar bagi para peserta. Ia (Le Tour de Langkawi) boleh menjadi seperti Le Tour de France," katanya.

Dr Mahathir berkata sebagai acara perlumbaan basikal antarabangsa yang disiarkan televisyen di seluruh Asia dan Eropah, acara itu menonjolkan Malaysia dalam arena sejagat dan sukan utama di seluruh dunia.

Beliau berkata Le Tour de Langkawi, yang dinaunginya, telah "matang" sejak ia diperkenalkan dua tahun lepas.

"Ramai yang menunjukkan minat dan kini terdapat lebih ramai penaja," katanya.

Perdana Menteri berkata acara itu, yang dimulakan sebagai acara pelancongan sukan antarabangsa, kini telah mempunyai penampilan antarabangsa.

Kejayannya merupakan satu lagi bukti keupayaan Malaysia berjaya menganjurkan acara bertaraf dunia itu, kata beliau.

Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada para penaja yang menjadikan acara lumba basikal itu satu kejayaan.

Le Tour de Langkawi 1998 dijangka bermula dari Langkawi pada Februari tahun depan.

Selama 12 hari, para pelumba dari seluruh dunia akan berkumpul di Malaysia dan bersaing antara satu sama lain dalam "Cabaran Terbesar Asia" itu yang menawarkan hadiah lumayan. Hadiah wang tunai bagi dua acara itu

sebelum ini masing-masing berjumlah AS\$400,000.

-- BERNAMA

ES/ERE NAK